

METODOLOGI PENULISAN SYEIKH SYIHABUDDIN AHMAD IBN AHMAD IBN BADRUDDIN AL-THIBIY DALAM KARYANYA AL-MUFID FI AL-TAJWID

THE WRITING METHODOLOGY OF SHAYKH SHIHABUDDIN AHMAD IBN AHMAD IBN BADRUDDIN AL-THIBIY IN HIS WORK AL-MUFID FI AL-TAJWID

Khairul Anuar Mohamad ^{1*}
Amir Adel Mabrouk Eldeib ²,
Mohd Zaini Zakaria ³
Mohd Hasbie Al-Shiddieque Ahmad ⁴

¹ Pensyarah: Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: khairul@usim.edu.my)

² Pensyarah: Fakulti Al-Quran Sunnah, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin (UniSIRAJ)
(E-Mail- dramir@kuips.edu.my)

³ Pensyarah: Fakulti Pengajian Al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia
(E-mail: zaini@usim.edu.my)

⁴ Pensyarah: Jabatan Al-Quran dan Al-Sunnah, Fakulti Pengajian dan Peradaban Islam, Universiti Islam
Selangor (UIS), Malaysia (E-mail: alshiddieque@uis.edu.my)

*Corresponding author: khairul@usim.edu.my

Article history

Received date : 7-10-2025
Revised date : 8-10-2025
Accepted date : 24-11-2025
Published date : 30-12-2025

To cite this document:

Mohamad, K. A., Eldeib, A. A. M., Zakaria, M. Z., &
Ahmad, M. H. A. (2025). Metodologi penulisan
Syeikh Syihabuddin Ahmad Ibn Ahmad Ibn
Badrudin Al-Thibiy dalam karyanya Al-Mufid Fi Al-
Tajwid. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 492 – 501.

Abstrak: Kajian tentang perkembangan ilmu Tajwid dari sudut penulisan tidak banyak dibuat kajian yang mendalam. Jika diteliti penulisan ilmu Tajwid, ia bermula dengan Imam Khaqani (325H) dan selepasnya penulisan dalam disiplin ilmu ini mula berkembang. Walaupun Imam Ibn al-Jazari dengan karyanya *muqadimah al-Jazariyyah* boleh dikatakan pelengkap kepada perbincangan ilmu Tajwid namun masih terdapat ulamak yang menulis dan menyusun dalam bentuk rangkap syair. Antara mereka ialah Syeikh Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badruddin al-Thibiy. Beliau dilahirkan pada tahun 910 Hijrah dan meninggal dunia pada 979 Hijrah. Objektif kajian ini adalah untuk melihat metodologi penulisan yang dikemukakan oleh Imam al-Thibiy dalam karyanya *al-Mufid Fi al-Tajwid*. Selain itu ia juga menyoroti sejarah hidup Imam al-Thibiy yang merupakan seorang tokoh ulamak yang disegani pada zamannya. Kajian ini menggunakan metode kepustakaan. Maklumat berkaitan matan *al-Mufid* diteliti melalui kitab yang dikarang oleh Syeikh Taufiq Dhamrah. Hasil kajian mendapati Matan *al-Mufid* mengandungi semua bab utama dalam ilmu Tajwid termasuk nun Sakinah, mim Sakinah dan hukum hakam waqaf. Namun begitu dalam sifat huruf, perbincangan yang dikemukakan ialah sifat *Qalqalah Sahaja*. Matan *al-Mufid fi Tajwid* mempunyai beberapa kelebihan termasuk masih terdapat sanad matan *al-Mufid* ini yang sampai kepada penulisnya Syeikh Shihabuddin al-Thibiy.

Kata Kunci: *Matan al-Mufid, al-Thibiy, Tajwid*

Abstract: *Studies on the development of Tajwīd knowledge from the perspective of written works have not been extensively explored. Upon examining the writings on Tajwīd, it can be observed that they began with Imām Khaqānī (325H), after which scholarly works in this discipline started to grow. Although Imām Ibn al-Jazarī, through his renowned Muqaddimah al-Jazariyyah, is often regarded as having completed the foundational discussions of Tajwīd, there were still scholars who continued to write and compose texts in poetic form. Among them was Shaykh Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badruddin al-Thibiy, who was born in 910H and passed away in 979H. The objective of this study is to examine the writing methodology presented by Imām al-Thibiy in his work al-Mufīd fī al-Tajwīd. In addition, it also highlights the biography of Imām al-Thibiy, who was a highly respected scholar of his era. This research adopts a library-based methodology. Information regarding the text al-Mufīd was examined through the work authored by Shaykh Taufiq Dhamrah. The findings of the study show that Matan al-Mufīd contains all the major chapters of Tajwīd, including nūn sākinah, mīm sākinah, and the rulings of waqf. However, in the section on the characteristics of letters, the discussion presented focuses only on the attribute of qalqalah. Matan al-Mufīd fī al-Tajwīd also possesses several merits, including the fact that there still exists a chain of transmission (sanad) for this text that reaches back to its author, Shaykh Shihabuddin al-Thibiy.*

Keywords: *Matan al-Mufid, al-Thibiy, Tajwid*

Pendahuluan

Kepentingan ilmu Tajwid adalah untuk menjaga lisan dari tersalah membaca al-Quran. Menurut Ghanim Qadduri yang memetik kalam Imam Ibn al-Jazari, Ilmu Tajwid diturunkan bersama turunnya al-Quran. (Ghanim Qadduri, 2009) menurutnya lagi sesiapa yang tidak membaca al-Quran dengan hukum tajwid maka dia telah melakukan dosa. Al-Quran terus terpelihara dengan praktisnya hukum Tajwid ketika membaca al-Quran.

Ilmu tajwid terbahagi kepada teori dan amali. Kedua-duanya amat penting dan saling melengkapi. Terdapat sebahagian orang yang menyatakan tidak mengapa jika tidak mengenali hukum tetapi dengan syarat bacaannya adalah tepat. Pandangan ini sebenarnya mempunyai keraguan dan persoalan. Mana mungkin seseorang boleh membaca dengan konsisten sesuatu hukum jika tidak mengenali takrif dan faham dengan betul hukum tersebut yang berulang banyak kali di setiap halaman. Boleh jadi betul sebutan pada tempat yang pertama dan kedua tetapi di tempat yang lain membaca dengan salah lantaran tidak memahami hukum Tajwid.

Ulamak telah mengambil pendekatan yang begitu teliti kepada Masyarakat untuk mereka memahami ilmu tajwid. karya penulisan ilmu Tajwid pada peringkat awalnya ditulis dalam bentuk nazm atau rangkap syair. Seperti Matan al-Kahqaniyyah karang Abu Mazahim Mu sa al-Khaqani (325 H), Matan Umdah al-Mufid karanagan Imam al-Sakhawi (643 H), matan al-Jazariyyah karangan Imam Ibn al-Jazari (833 H). Dan banyak lagi karangan dalam bentuk Nazm ini termausklah yang dibincangkan ketika ini iaitu Matn al-Mufid Fi al-Tajwid karanagn Imam Ahmad Syihabuddin al-Tibiy.

Ulamak mutaakhir dalam ilmu Tajwid yang terkenal ialah Syeikh Abdul Fattah Sayyid Ajami al-Mirsafi (1989 M) telah menghasilkan satu kitab Tajwid yang luas perbahasannya yang dinamakan sebagai Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari. Dalam kitab ini, penulisnya telah

merujuk kepada banyak kitab-kitab tajwid yang terdahului termasuk lah kitab Matn al-Mufid Fi Ilmi al-Tajwid karangan Imam al-Tibiy.

Sorotan Literatur

Biografi dan Sumbangan Ilmiah al-Thibiy

Kajian-kajian biografi ulama Qiraat abad ke-10 Hijrah menyebut Syeikh Syihabuddin Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badruddin al-Thibiy sebagai salah seorang tokoh yang aktif dalam penulisan matan dalam disiplin Tajwid. Sumber biografi klasik seperti *Tabaqat Qurra* dan karya-karya rijāl menyatakan bahawa beliau hidup pada tahun 910–979H dan berperanan sebagai salah seorang guru qiraat yang disegani di wilayah Syam. Sumbangannya dilihat melalui kecenderungan beliau menyusun ilmu tajwid dalam bentuk syair, suatu gaya penulisan yang pada abad tersebut digunakan bagi memudahkan hafazan dan penyebaran ilmu kepada para penuntut. Literatur ini menegaskan kedudukan al-Thibiy sebagai seorang sarjana yang memberi impak terhadap perkembangan metod pengajaran Tajwid melalui bentuk matan yang ringkas tetapi padat. Ibn al-Jazari, M. (1998). *Tabaqat Qurra*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Analisis Matan al-Mufid fi al-Tajwid

Penulisan kontemporari mengenai matan al-Mufid antaranya yang dibincangkan dalam karya Syeikh Taufiq Dhamrah menyatakan bahawa kitab ini merupakan salah satu matan ringkas yang menghimpunkan hukum-hukum asas Tajwid. Analisis literatur menunjukkan bahawa al-Mufid merangkumi perbincangan penting seperti nun Sakinah, mim sakinah serta pembahasan tertentu tentang sifat huruf. Walau bagaimanapun, al-Thibiy hanya menumpukan kepada sifat *qalqalah*, menunjukkan bahawa karya tersebut bersifat pengenalan dan bukannya kompendium lengkap sifat-sifat huruf. Literatur juga menunjukkan bahawa matan ini digunakan sebagai teks pengajaran asas di beberapa institusi tradisional kerana kejelasan susunan rangkap syairnya. Dhamrah, T. (2010). *Sharh Matan al-Mufid fi al-Tajwid*. Dar al-Nafa'is.

Tradisi Sanad Matan al-Mufid

Beberapa tulisan moden mengenai sanad matan-matan Tajwid menekankan keistimewaan matan al-Mufid kerana masih memiliki rangkaian sanad yang bersambung kepada pengarangnya. Kajian sanad oleh para muhaqqiq menunjukkan bahawa teks ini tetap diriwayatkan dalam majlis talaqqi dan musyāfahah di beberapa negara seperti Jordan, Syria, dan Mesir. Literatur berkenaan sanad membuktikan bahawa al-Thibiy bukan sahaja seorang penulis, tetapi juga seorang guru qiraat yang mempunyai murid-murid yang meneruskan periwayatan matannya. Hal ini mengukuhkan lagi autoriti karya tersebut dan menjadikannya salah satu matan Tajwid yang berterima dalam tradisi qiraat klasik. Al-Said, A. (2015). *Dirasat fi al-sanad wa al-matn li al-matun al-tajwidiyyah*. Markaz al-Qiraat al-Qur'aniyyah.

Kepentingan Kajian

Kefahaman terhadap ilmu Tajwid secara teori diterokai oleh ulamak dengan menyediakan dan menghasilkan buku Tajwid dalam bentuk huraian yang mudah difahami. Pada masa kini penulis buku Tajwid membuat perubahan mengikut perkembangan semasa dengan memasukkan gambar rajah dan jadual dalam bab yang mempunyai perbincangan yang panjang seperti bab makraj huruf dan sifat huruf.

Huraian dalam Ilmu Tajwid masih terikat dengan rujukan kepada matan utama seperti Matan Mudimmah Jazariyyah dan Matan Tuhfat al-Atfal. Selian dua matan tersebut, ramai juga penulis yang merujuk kepada Matan al-Mufid hasil karya Imam al-Tibiy. Dalam kajian penulis

Matan al-Mufid telah menjadi rujukan kepada kitab Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-bari karang Syeikh Abdul Fattah Sayyid Ajami al-Mirsafi dan kitab yang lebih terdahulu Nihayah al-Qaul al-Mufid karangan Syeikh Muhammad Makki Nasr al-Juraisi. Dr Aiman Rusydi Suwaid telah merujuk kepada Matan al-Mufid dalam kitabnya Tajwid al-Musawwar.

Ketokohan Imam Syihabuddin al-Thibiy dan karya yang dihasilkan dalam bidang Tajwid ini amat perlu dikaji dari sudut biografi penulis dan metodologi penulisan. Selain ia juga meneliti kandungan matan ini yang memasukkan beberapa bab yang tidak ada dalam penulisan lain.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berasas kepada kajian kepustakaan melalui mengumpul data daripada kitab farhat al-Saied Fi Mutun Tajwid karangan Syeikh Taufiq Dhamrah. Kajian ini juga merujuk kepada buku Mutiara Tajwid karangan Khairul Anuar Mohamad yang menghurai matan-matan utama dalam Ilmu Tajwid termasuk Matn al-Mufid Fi Tajwid. Metode kualitatif dalam kajian ini adalah pendekatan penelitian yang berfokus pada pemahaman mendalam tentang metode penulisan Matn al-mufid. Analisis data kualitatif adalah proses mengkaji, mentafsir dan memahami data dengan mengeluarkan tema utama dalam Matn ini.

Pengenalan Syeikh Syihabuddin Al-Thibiy

a. Nama

Beliau ialah Imam al-Muqri al-Faqeh al-Syeikh Syihabuddin Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badr al-Din Ibn Ibrahim al-Thibiy. Nama beliau ialah Ahmad manakala nama bapa beliau juga adalah Ahmad dan beliau memiliki seorang cahaya mata lelaki yang alim juga bernama Ahmad. Ahli sejarah telah membezakan mereka bertiga dengan menamakan yang pertama iaitu bapa beliau ialah Ahmad Akbar, yang kedua (penulis) ialah Ahmad al-Kabir dan yang ketiga (anak penulis) ialah Ahmad al-Soghair. Penulis atau Ahmad al-Kabir dilahirkan di Damsyiq pada 7 Zulhijjah 910 Hijrah

b. Pendidikan

Syeikh Syihabuddin al-Thibiy mempelajari al-Quran al-Karim, ilmu Qiraat dan ilmu Feqh daripada bapanya, Ahmad Ibn Badr al-Din Ibn Ibrahim al-Thibiy. Beliau menerima didikan dari guru-guru yang bernama Syamsuddin al-Kufirsusi, Taqiyuddin al-Qari dan Taqiyuddin al-Balatunusi.

Bapanya Ahmad Ibn Badr al-Din Ibn Ibrahim al-Thibiy mempelajari al-Quran dan qiraat daripada Ibrahim Ibn Mahmud al-Qudsi yang merupakan penulis mushaf. Selain itu beliau juga mempelajari Qiraat Tujuh daripada ‘Ursu al-Din Khalil. Bapanya ini meninggal dunia pada tahun 938 Hijrah. (Ilyas al-Barmawi, 2000)

c. Sumbangan

Imam Ahmad al-Kabir telah mengkaryakan teks-teks khutbah dengan baik dan sempurna di samping beliau ditugaskan sebagai imam dan khatib di Jamie al-Umawiy. Beliau juga merupakan tenaga pengajar di Madrasah al-Adiliyyah al-Sughra. Sebagai seorang pendidik, beliau amat mengambil berat berkaitan hal ehwal pelajarnya, terutama bagi pelajar yang tinggal berjauhan. Selain itu, beliau juga menerapkan sikap yang lemah lembut semasa sesi pengajaran dan pembelajaran, pendekatan tersebut menyebabkan beliau disenangi oleh para pelajarnya. Beliau banyak menghabiskan masa dalam mengajar al-Quran al-Karim, ilmu Tajwid dan Qiraat sepuluh. Terdapat beberapa ulama yang datang mempelajari al-Quran bersama beliau.

Antaranya ialah Syeikh Ismail al-Nabulsi (mufti Mazhab Syafie di Damsyiq), Syeikh 'Imaduddin Muhammad al-Hanafi, al-Hasan Ibn Muhamad al-Burini, Syeikh Ahmad Ibn al-Murzanat al-Muqri al-Solihi, Ahmad al-Qabuni dan lain-lain.

Antara karya-karya yang dihasilkan oleh beliau ialah *Nazm manasik al-Haj* dalam bentuk Rajaz Raiq, *Nazm al-Mufid Fi al-Tajwid* yang telah disyarah oleh muridnya iaitu Syeikh Ahmad Ibn Murazanat yang telah disebut namanya, *Nazm Bulugh al-Amani fi Qiraat Warsy min Toriq al-Asbahani*, *Zawaid al-Saniyyah Ala al-Fiyyah*, *Idah al-Tam Fi Takbirat al-Ihram wa al-Salam*, karya dalam Ilmu Mantiq, kompilasi khutbah-khutbah yang berkualiti dan ramai khatib di Damsyiq mengguna pakai teks khutbah yang telah dihasilkan oleh beliau.

Antaranya syair yang At-Tibiy meriwayatkan daripada al-Junaid: “sesungguhnya dunia dicari atau dikejar kerana 3 iaitu kekayaan, kemuliaan dan kesenangan. Barangsiapa zuhud dari dunia dia akan mulia, barangsiapa rasa cukup dari dunia dia akan kaya dan barangsiapa sedikit usahanya dia akan banyak kerehatan.” Justeru al-Thibiy merakamkan kata-kata tersebut dalam bentuk syair seperti berikut:

لثَلَاثٍ يَطْلُبُ الدُّنْيَا الْفَتَى لِلْغِنَى وَالْعِزِّ أَوْ أَنْ يَسْتَرْيَحَ

عِزُّهُ فِي الرُّهْدِ وَالْقَنَعُ غِنَى وَقَلِيلُ السَّعْيِ فِيهَا مُسْتَرْيَحُ

Kerana tiga perkara dunia dituntut oleh pemuda: kaya, mulia dan kerehatan Mulianya di dunia dengan sebab zuhud, qana'ah adalah kekayaan dan sedikit usaha adalah kerehatan.

d. Meninggal Dunia

Syeikh Syihabuddin al-Thibiy meninggal dunia pada hari Rabu, 18 Zulhijjah 979 Hijrah dan dimaqamkan di Turbah Marij al-Dahdah, berhampiran Damsyiq.

Kitab *Manzummat Al-Mufid Fi Ilm Al-Tajwid*

a. Pengenalan Kitab

Matn al-Mufid mengandungi 193 rangkap syair. Penyusun menulis matn al-Mufid dengan bahr rajz. Bab yang terdapat dalam matn al-Mufid Adalah sebanyak 20 tajuk termasuk muqadimmah, tanbih dan khatimah. Tajuk-tajuk yang dibincangkan dalam matn ini tersusun dengan kemas mengikut urutan dalam ilmu tajwid. selepas muqadimmah, penyusun membawakan tajuk huruf al-hija, diikuti tajuk huruf al-fae'iyah, al-harakat al-thalath wa al-sukun, Tanwin, hamzat, huruf mad, huruf al-Lin dan lain-lain.

Muqadimmah matn al-Mufid, penulis menyatakan seperti berikut:

أَحْمَدُ - يَرْجُو رَحْمَةَ الْمُجِيبِ -	قَالَ الْفَقِيرُ أَحْمَدُ بْنُ الطَّبَّيِّ
وَأَنْزَلَ الْقُرْآنَ نُورًا لِلْمَلَا	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي تَفَضَّلَا
مُؤَفَّقًا لَهُ إِلَى رِشَادِهِ	هَدَى بِهِ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادِهِ
عَلَى النَّبِيِّ الْهَاشِمِيِّ أَحْمَدًا	ثُمَّ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ سَرْمَدًا
وَقَارِئِي وَمُقَرِّئِي الْقُرْآنِ	وَالِهِ وَصَحْبِهِ الْأَعْيَانِ
بَعْضَ مُهِمَّاتٍ لِمُسْتَفِيدِ	وَبَعْدُ: قَدْ نَظَّمْتُ فِي التَّجْوِيدِ
يَبْغِي قِرَاءَةً عَلَى الْوَجْهِ الْحَسَنِ	فَلْيَتَفَهَّمْنَهُ بِالْإِتْقَانِ مَنْ
فِي خَلْقِهِ بِالْمُصْطَفَى وَصَحْبِهِ	وَاللَّهُ فَضْلًا يَنْشُرُ النَّفْعَ بِهِ

Bahagian muqadimah ini, Syeikh al-Thibiy telah menyatakan dengan merendah diri mengharapakan rahmat Allah yang menerima setiap yang mengharapakan kepadaNya. Diikuti dengan pujian kepada Allah yang telah menurunkan al-Quran sebagai cahaya kepada seluruh alam. Seterusnya selawat dan salam kepada Baginda SAW, keluarga, para Sahabat RA dan juga kepada pembaca dan pengajar al-Quran. Selepas itu, beliau menegaskan tentang rangkap syair yang disusun. Perkara ini amat penting kepada pembaca al-Quran yang inginkan bacaan yang baik.

b. Metod Penulisan

Susunan rangkap syair dalam matn al-Mufid adalah dengan bahr al-Rajz mengikut wazan مستفعلن مستفعلن مستفعلن. Menurut Dr Salim Muhaisin dinamakan bahr rajz kerana berhampiran kedudukan dan sedikit hurufnya. (Salim Muhaisin, tt) Kelebihan bahr rajz adalah untuk memudahkan hafazan. Ketika menghuraikan hukum, Syeikh al-Thibiy menggunakan kalimah dan uslub bahasa yang mudah difahami. Sebagai contoh dalam menyatakan hukum mim Sakinah, Syeikh al-Thibiy menyatakan:

أُخْفِيتُ بَاءٍ وَعِنْدَ مِثْلِهَا، فِي	أُدْغِمْتُ وَجُوبًا: الْمِيمُ تَسْكُنُ إِنَّ
الْوَفِي الْقَوْلِ عَلَى حَتْمًا أَظْهَرْتُ قَدْ	الْأَخْرَفِ بَاقِي وَعِنْدَ بَغْنَةٍ،
الْفَاءِ وَعِنْدَ الْوَاوِ لَدَى هَا	الْإِخْفَاءِ مِنَ التَّالِي وَلِيُخْذَرِ

Mim Sakinah selepasnya huruf mim wajib dibaca dengan ghunnah. Dan jika selepas mim Sakinah huruf bam aka hukumnya ikhfah. Dan jika selepasnya huru selain mim dan ba maka hukumnya ialah izhar syafawi. Penjelasan yang dikemukakan oleh Syeikh al-Thibiy Adalah jelas dan terang.

Perkara penting juga yang dinyatakan oleh Syeikh Thibiy dalam matnnya ialah arahan berhati-hati dalam menyebut hukum atau disebut sebagai tanbih. Dalam rangkap syair terakhir di atas, syeikh Thibiy berpesan agar berhati-hati dalam menyebut izhar syafawi pada huruf wau dan fa. Alasan kepada arahan tersebut Adalah kerana huruf mim, wau dan fa keluar dari makhraj yang sama. Jika tidak berhati-hati sebutan izhar tidak akan berlaku dengan sempurna.

Ulamak berbeza pendapat dalam bab hukum alif Sakinah sama ada di baca dengan tafkhim atau dibaca dengan tarqiq. Ibn al-Jazari dalam kitabnya al-Tamhid yang ditulis pada 769H menyatakan ketika menghurai tentang tafkhim huruf kha, “berjaga-jagalah kamu apabila kamu tafkhim kha sebelum alif maka kamu tafkhimkan alif bersama dengannya. Sesungguhnya ia satu kesalahan dan tidak harus. Perkara ini berlaku kepada ramai pembaca al-Quran.” Namun begitu dalam kitabnya al-Nasyr yang ditulis pada tahun 799H iaitu selepas 30 tahun selesai menulis kitab al-Tamhid, beliau menyatakan, “Adapun huruf alif yang sahlah adalah tidak disifatkan dengan tarqiq atau tafkhim. Bahkan ia melihat kepada huruf sebelumnya dan mengikuti huruf sebelumnya sama ada tarqiq atau tafkhim.” Syeikh al-Thibiy berpendapat alif Sakinah dibaca dengan tafkhim jika berada selepas huruf tafkhim dan di baca dengan tarqiq jika berada selepas huruf tarqiq. Beliau berkata:

فَفَحْمَنَهَا بَعْدَ مَا قَدْ فُجِّمَ مَا رُقِّقَ رُقِّقَ فَاَعْلَمَ

Seterusnya beliau menyatakan perbezaan pendapat yang dikemukakan oleh al-Ja'bari yang menyatakan alif Sakinah dibaca dengan tarqiq. Pendapat ini ditolak oleh Ibn al-Jazari yang menyatakan dibaca dengan tafkhim sebagaimana dalam kitab Nasyr. Walaupun begitu dalam kitabnya Tamhid, Ibn Jazari menyatakan alif Sakinah lazim dibaca dengan tarqiq yang berada selepas lam tafkhim. Namun begitu beliau menarik balik pendapat tersebut dengan menyatakan alif Sakinah dibaca mengikut huruf sebelumnya. Jika tafkhim dibaca tafkhim dan jika selepas tarqiq dibaca dengan tarqiq. Syeikh Thibiy menyatakan semua perbezaan pendapat tersebut dalam rangkap syair berikut:

الْجَعْبَرِيُّ فِيهَا التَّرْقِيقَ وَأَطْلَقَ	الْجَزَرِيُّ ابْنُ "نَشْرِهِ" فِي وَرْدِهِ
أَلْزَمَ قَدْ "تَمَّهِيدِهِ" فِي وَكَانَ	فُحِّمَ لَا مِ بَعْدِ مِنْ تَرْقِيقِهَا
رَجَعَ بَعْدَ ذَلِكَ عَنْ لِكِنَّهُ	تَتَّبَعَ أَنْ حُكْمَهَا إِنَّ: وَقَالَ
بِالتَّفْخِيمِ تُوصَفُ تَكُنْ فَلَمْ	التَّقْسِيمِ لَدَى بِتَرْقِيقٍ وَلَا

Syeikh al-Thibiy menghuraikan hukum Tajwid termasuk kaedah yang dibaca oleh Qurra selain Hafs dari Imam Asim. Ketika menghurai huruf mad, beliau memasukkan hukum huruf mad yang berada sebelum huruf ta seperti kalimah لا تكونوا bagi Riwayat al-Bazzi dari Imam Ibn Kathir beliau membaca dengan mad enam harakat. Syeikh al-Thibiy menyatakan:

شُدِّدَتْ تَاءٌ تَلَاهُ الَّذِي إِلَّا ثَبَّتْ فَإِنَّهُ الْبَرِّي لِأَحْمَدَ

Perkara penting yang dinyatakan dalam rangkap syair matn al-Mufid ialah nasihat kepada pembaca al-Quran untuk membaca harakat baris dengan tepat dan sempurna. Beliau menyatakan jika kamu melihat qari yang membaca harakat tidak sempurna kedudukan dua bibir semasa menyebut harakat dhommah maka sesungguhnya dia telah melakukan kesalahan

dengan mengurang sebutan yang mana mesti disebut dengan sempurna. Syeikh al-Thibiy menyatakan:

مُحَقِّقًا كُنْ بِالضَّمِّ شِـفَاهُهُ
مُتَمِّمًا بِهِ النُّطْقُ وَالْوَجِبُ
تُصِيبُ أَفْهَمُهُ مِنْهُمَا كُلِّ إِتْمَامُ

تَنْطَبِقًا لِنَ الْقَارِئِ تَرَفَانُ
ضَمًّا مَا مُنْتَقِصٌ بَأَنَّهُ
يَجِبُ كَسْرٍ وَذُو فَتْحٍ ذُو كَذَاكَ

Begitu juga dengan baris kasrah dan baris fathah mestilah dibaca dengan sempurna.

c. Sanad Matan al-Mufid

Sanad matn al-Mufid masih diijazahkan oleh sebahagian guru al-Quran. Rijal dalam sanad sehingga kepada penulisnya ialah sebanyak 10 orang. Sanad al-Mufid adalah seperti berikut: Dr Amer Adel al-Deeb yang mengambil dari gurunya Syeikh Hasan Mustafa al-Waraqqi, Syeikh Yahya al-Ghuthani dan lain-lain. Adapun Syeikh Abdul Rahman al-Kattani mengambil dari ayahnya Muhammad Abdul Hay al-Kattani dari gurunya Syeikh Abdullah al-Sakkari daripada gurunya Syeikh Sofiyyuddin Khalil Ibn Abdul Salam al-Kamili daripada Ayahnya Syeikh Abdul Salam al-Kamili daripada Ayahnya Syeikh Muhammad Ibn Ali al-Kamili daripada Syeikh Allamah Ali al-Ujhuri daripada Syeikh Taqiyyuddin Abdul Baqi daripada Syeikh Muhammad Syamsuddin al-Maidani al-Dimasyqi daripada penyusunnya Imam Syihabuddin Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badruddin Ibn Ibrahim al-Thibiy.

Kesimpulan

Matn al-Mufid hasil karya Syeikh al-Thibiy mempunyai banyak manfaat kepada pembaca al-Quran. Kandungan rangkap syair sebanyak 193 itu menghuraikan hukum Tajwid. Menerangkan hukum nun Sakinah, mim Sakinah, hukum mad dan lain-lain. Syeikh Thibiy juga memberi nasihat tentang kaedah membaca al-Quran dengan tepat beberapa hukum dan memberi ingatan terhadap hukum yang selalu berlaku kesalahan oleh pembaca Quran.

Syeikh Taufiq Dhamrah telah mengumpulkan matan-matan dalam ilmu Tajwid dan diberi nama farhah al-Saied. Beliau telah membuat penelitian terhadap sejarah hidup Syeikh al-Thibiy dan mengtahqiq kesahihan nas dalam matn ini. Selain beliau Dr Aiman Suwaid Rusydi juga lakukan huraian yang dirakam dan boleh didapati di You tube. Beliau juga telah melakukan tahqiq dan huraian ringkas dalam bentuk risalah terhadap Matn al-Mufid.

Pendapat Syeikh al-Thibiy dalam ilmu Tajwid telah diambil sebagai rujukan oleh penulis ilmu Tajwid selepasnya. Syeikh Maki Nasr (1313H) dalam bukunya Nihayah al-Qaul al-Mufid menjadikan pendapat Syeikh al-Thibiy salah satu rujukannya. Begitu juga dengan Syeikh Abdul Fattah Sayyid Ajami al-Mirsafi dalam bukunya Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari telah memetik juga pendapat Syeikh al-Thibiy.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada USIM dan Akademi Qurthubiy Centre kerana membiayai penyelidikan agensi luar (Kerajaan) USIM/QURTHUBY/FPQS/LUAR-S/41025

Rujukan

Al-Quran

Abdul Fattah al-Sayyid Ajami al-Mirsafi, (2008). Hidayah al-Qari Ila Tajwid Kalam al-Bari, Qaherah: Dar Majd al-Islami.

Aiman Rusydi Suwaid, t.t Manzumah al-Mufid Fi al-Tajwid karya Syihabuddin Ahmad Ibn Ahmad Ibn Badruddin al-Thibiy.

Ilyas Ibn Ahmad Husain Ibn Sulaiman al-Barmawi (2018) Imta' al-Fudhala' Bi Tarajim al-Qurra', Amman: Dar al-Nadwah Li-al-Tiba'ah.

Khairul Anuar Mohamad (2025). Khazanah Ilmu Tajwid, Mutiara Tajwid, Bandar Baru bangi: El-Qurtuby Quranic Centre.

Ghanim Qadduri al-Hamd (2009). Al-Syarh al-Wajiz Ala al-Muqadimah al-Jazariyyah, Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Maklumat al-Quraniyyah Bi Maahad al-Imam al-Syatibiy.

Ghanim Qadduri al-Hamd (2017). Syarh al-Muqadimah al-Jazariyyah, Jeddah: Markaz al-Dirasat wa al-Maklumat al-Quraniyyah Bi Maahad al-Imam al-Syatibiy

Muhammad Abdul Wahid al-Dusuqi (2006) Majmu'ah Muhimmah Fi al-Tajwid Wa al-Qiraat. Qaherah: Maktabah Ibn Taimiyyah.

Muhammad Makki Nasr, (2003) Nihayah al-Qaul al-Mufid Fi Ilmi Tajwid al-Quran al-Majid, Beirut: Dar al-kutub al-Ilmiyyah.

Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn al-Jazari, (1435H) al-Nasyr Fi al-Qiraat al-Asyr, Madinah Munawwarah: Muijamma' al-Malik Fahd Li Tiba'ah al-Mushaf.

Muhammad Ibn Muhammad Ibn Muhammad Ibn al-Jazari (2001) al-Tamhid Fi Ilmi al-Tajwid, Beirut: Muasasah al-Risalah.

Muhammad Salim Muhaisin, (tt) al-Hadi Syarh Toyyibah al-Nasyr Fi al-Qiraat al-Asyr wa al-Kasyf An Ilali al-Qiraat Wa taujihiha, Beirut: Dar al-jail.

Syihabuddin al-Thibiy, Tahqiq: Aiman Rusydi Suwaid, Manzumah al-Mufid Fi al-Tajwid, Jeddah: Jamiyyah Khairiyyah Li Tahfiz al-Quran al-Karim.

Taufiq Ibrahim Dhomrah (2014), farhah al-Saied Fi Mutun al-Tajwid, Amman: al-Maktabah al-Watonoyyah.

<https://www.youtube.com/watch?v=ce0wIA3mkBw>

Lampiran 1; Sanad Matn Al-Mufid Fi Al-Tajwid

بسم الله الرحمن الرحيم

المفيد في التجويد

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه، وبعد:

فقد قرأ علي فضيلة الدكتور / خير الأنوار بن محمد

منظومة: (المفيد في التجويد) كاملة وبعد تمام قراءتها استجازني فأجزته أن يرويها عني لمن شاء متى شاء وحيث شاء، وأخبرته أنني رويتها عن غير واحد من أهل العلم والفضل، منهم: الشيخ: حسن مصطفى الوراق، والشيخ يوسف المرعشلي، والشيخ حامد البخاري والشيخ يحيى الغوثاني وغيرهم.

أما فضيلة الشيخ عبد الرحمن بن محمد عبد الحي الكتاني الحسني، فهو عن والده السيد / محمد عبد الحي بن عبد الكبير الكتاني الحسني الإدريسي المغربي الفاسي المالكي عن الشيخ عبد الله السكري عن الشيخ وجيه الدين عبد الرحمن بن محمد الشافعي والشهير بالكزبري الصغير عن وهو عن الشيخ صفي الدين خليل بن عبد السلام الكامل الدمشقي وهو عن أبيه الشيخ عبد السلام بن محمد الكامل وهو عن أبيه الشيخ محمد بن علي الكامل وهو عن الشيخ العلامة علي الأجهوري وهو عن الشيخ تقي الدين عبد الباقي بن عبد الباقي الخنبلي وهو عن محمد شمس الدين الميذاني الدمشقي الشافعي وهو عن ناظمها الإمام شهاب الدين أحمد بن أحمد بن بدر الدين بن إبراهيم الطيبي

وأوصي المجاز بتقوى الله في السر والجهر، وألا ينساني من دعواته، وأسأل الله أن يتقبل منا أعمالنا وأن يرزقنا الصدق والإخلاص. إنه سميع مجيب.

والحمد لله رب العالمين، وصلى وسلم الله على سيدنا ونبينا محمد وعلى آله وصحبه وسلم.

٢٠٢٣ / ١١ / ٧ م

المجيز

د. أمير بن عادل بن مبروك الديب

أستاذ مشارك وعضو هيئة التدريس بكلية القرآن والسنة

ورئيس قسم القرآن وعلومه سابقا بجامعة برليس الإسلامية بماليزيا

